

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

5.1 Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

1 Apakah yang menjadi asas penting dalam pelaksanaan sistem pemerintahan tempatan berbentuk sistem kesukuan di Sarawak dan Sabah?

MS Tekst
110

- A Adat
- B Harta
- C Tanah
- D Agama

2 Pasangan yang manakah adalah betul bagi panggilan gelaran bagi ketua masyarakat kesukuan di Sarawak?

MS Tekst
111

	Iban	Kayan
A	Orang Tua	Tua Kapung
B	Matto'a	Peran Lepo
C	Tuai Rumah	Kelunan Maren
D	Menteri	Tuai Rumah

3 Sekiranya anda ingin menjadi Ketua Bebas di Sabah, apakah sikap yang perlu anda miliki?

MS Tekst
113

- A Bertanggungjawab
- B Adil dan saksama
- C Berani
- D Jujur

5.2 Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak

4 Mengapakah James Brooke ingin menguasai Sarawak?

MS Tekst
114

- A Dasar kerajaan
- B Desakan keagamaan
- C Kekayaan hasil bumi
- D Keperluan ketenteraan

5 Pernyataan berikut berkaitan dengan masalah ketidakstabilan politik yang berlaku di Sarawak semasa pengukuhan kuasa oleh Kesultanan Brunei pada tahun 1830-an hingga 1840-an.

MS Tekst
114

Datu Patinggi Ali telah memimpin penentangan untuk membebaskan Sarawak daripada cengkaman Pengiran Indera Mahkota

Apakah faktor berlakunya penentangan tersebut?

- I Layanan kasar
- II Mencabuli adat
- III Kerahan tenaga
- IV Cukai yang tinggi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Gambar berikut menunjukkan tokoh Dinasti Brooke di Sarawak.

MS Tekst
115 - 116



James Brooke

Bagaimanakah tokoh tersebut berjaya menguasai Sarawak?

- I Ketenteraan
- II Perjanjian
- III Pakatan
- IV Sewa
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Maklumat berikut berkaitan perjanjian yang ditandatangani antara James Brooke dengan Pengiran Raja Mudah Hashim.

MS Tekst
116

Perjanjian 1841

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- A Penguasaan hasil
- B Penyatuan wilayah
- C Penghapusan lanun
- D Perdamaian dicapai

8 Apakah tujuan penubuhan Renjer Sarawak oleh Dinasti Brooke?

MS Teks 117

- A Memperoleh sokongan masyarakat
- B Melaksanakan kerahan tenaga
- C Menjaga keamanan
- D Mengutip cukai

9 Bagaimanakah James Brooke dapat menumpaskan penentangan orang Iban di Saribas dan Batang Lupa?

MS Teks 118

- A Persetujuan penduduk
- B Bayaran wang Dollar
- C Pemberian ufti
- D Alasan lanun

5.3 Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah

10 Maklumat berikut berkaitan kekayaan ekonomi di Sabah.

MS Teks 121

X	Mendapat pasaran yang baik di China
---	-------------------------------------

Apakah hasil bumi X?

- A Emas
- B Antimoni
- C Sirip ikan yu
- D Sarang burung

11 Sebelum pertapakan dan penguasaan Syarikat Borneo Utara British (SBUB), kuasa British telah pun memiliki dua kawasan di Sabah.

MS Teks 121

Apakah kawasan tersebut?

- I Pulau Labuan
- II Pulau Gaya
- III Pulau Pahlawan
- IV Pulau Balambangan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah tempat di Sabah.

MS Teks 122

Kimanis

Apakah fungsi tempat tersebut kepada pemodal asing di Sabah?

- A Pusat pentadbiran
- B Pusat perdagangan
- C Pangkalan ketenteraan
- D Pelabuhan persinggahan

13 Dialog berikut mungkin berlaku antara wakil-wakil Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

MS Teks 123

Pihak British telah bersetuju untuk memberikan kita Piagam Diraja.



Apakah kepentingan Piagam Diraja tersebut kepada SBUB?

- I Kuasa mentadbir
- II Pengiktirafan kedudukan
- III Tempoh pajakan dilanjutkan
- IV Kerjasama penduduk diperkukuh
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Berikut ialah syarat perjanjian dalam penerimaan Piagam Diraja oleh SBUB.

MS Teks 123

KBAT

- SBUB menerima Penasihat British
- SBUB tidak boleh menyerahkan Sabah kepada pihak lain tanpa kebenaran British

Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada syarat tersebut?

- A Pengukuhan kuasa British
- B Kebangkitan penduduk bermula
- C Taraf sosioekonomi penduduk meningkat
- D Penduduk berpeluang bekerja dalam kerajaan

15 Berikut ialah pernyataan berkaitan dengan Sarawak dan Sabah.

MS Teks 123

KBAT

- Penguasaan Dinasti Brooke ke atas Sarawak
- Penguasaan SBUB ke atas Sabah

Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa di atas?

- A Berpandangan jauh
- B Kreatif dalam kehidupan
- C Bersekutu membawa mutu
- D Keperluan menjaga kestabilan negara

5.4 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

16 Pemantapan pentadbiran telah dilakukan oleh kuasa Barat di Sarawak dan Sabah.

MS Tekst
124

Apakah muslihat kuasa Barat di sebalik tindakan tersebut?

- A Imej negara meningkat
- B Peningkatan taraf hidup
- C Pemodenan pentadbiran
- D Eksploitasi sumber hasil

17 Mengapakah James Brooke menjalankan dasar pengekalan pembesar tempatan di Sarawak?

MS Tekst
126

- A Dasar Dinasti Brooke
- B Dasar Piagam Atlantik
- C Kekurangan pegawai Eropah
- D Pembahagian kuasa dalam kerajaan


18 Apakah tugas Ketua Anak Negeri di Sabah?

MS Tekst
126

- I Mengutip cukai
- II Menjaga keamanan
- III Membantu pentadbiran
- IV Menjalankan undang-undang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Rajah berikut menunjukkan carta organisasi pentadbiran di Sarawak.

MS Tekst
127



Apakah X?

- A Kabinet
- B Majlis Tertinggi
- C Majlis Penasihat
- D Setiausaha Jabatan

20 Berikut ialah dasar pemerintahan yang dijalankan oleh Dinasti Brooke di Sarawak.

MS Tekst
128

Dasar pecah dan perintah

Apakah tujuan Dinasti Brooke mengamalkan sistem pemerintahan tersebut?

- A Pengukuhan kuasa
- B Pembahagian ekonomi
- C Pentadbiran sistematik
- D Pemantapan undang-undang

21 Antara berikut, pernyataan yang manakah adalah benar mengenai pentadbiran berasaskan kaum di Sabah?

MS Tekst
128

- I Sistem pecah dan perintah diamalkan
- II Tiga kategori masyarakat dikelompokkan
- III Ketua etnik dipilih berdasarkan kepakaran
- IV Pentadbir dikenali Penolong Pegawai Daerah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengadakan Mahkamah Majistret di Sabah?

MS Tekst
129

- A Residen
- B Gabenor
- C Pegawai Daerah
- D Penasihat British